

## **Gejala negatif anak ekoran kurang kehadiran bapa**

**Siti Aisyah Nordin**

**Berita Harian**, 18 June 2018

Apabila seorang bapa itu tidak hadir dalam kehidupan anak, sama ada dari segi fizikal atau emosi, ia menjejaskan perkembangan anak secara negatif.

Berkongsi demikian, Zamil Penyelidikan di Institut Pengajian Dasar (IPS) Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew (LKYSPP), Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Mohamad Shamsuri Juhari, berkata ia juga dikaitkan dengan gejala sosial, termasuk masalah jenayah, penyalahgunaan dadah dan masalah tingkah laku serta azam pendidikan yang rendah.

Semasa ditemui Berita Harian, Dr Shamsuri turut prihatin akan masalah tersebut yang pada pendapat beliau, semakin berleluasa di kalangan masyarakat Melayu.

Katanya, walaupun bapa tersebut hadir secara fizikal dalam kehidupan anaknya, tidak semestinya mereka memainkan peranan berkesan dan melibatkan diri dalam kehidupan anak mereka.

Menurut perhatian Dr Shamsuri, ramai di kalangan bapa Melayu masih tertumpu hanya kepada tanggungjawab 'mencari nafkah' untuk keluarga dan berasa berpuas hati jika perkara tersebut dapat dilakukan.

"Walaupun seorang bapa itu ada dalam sesebuah keluarga, jika beliau kurang pengetahuan tentang cara menjadi seorang bapa yang efektif dan tidak melibatkan diri, tidak ambil peduli, dan tidak menunjukkan keprihatinan terhadap kehidupan anak, ia tetap akan mempunyai kesan negatif dalam hidup anak itu," ujarnya.

Menurut beliau, satu kajian di Amerika Syarikat menunjukkan bagaimana ketidakhadiran bapa dalam kehidupan anak itu meningkatkan kemungkinan anak itu mengalami masalah mental, lari dari rumah, masalah tingkah laku dan tercicir di sekolah.

Kajian Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga (MSF) serya Perkhidmatan Penjara Singapura (SPS) pada 2013 pula menunjukkan bahawa separuh pesalah muda mempunyai latar belakang keluarga yang berpecah-belah dan kebanyakan mereka mempunyai hubungan yang tidak baik dengan bapa mereka.

Menurut Dr Shamsuri, masalah bapa yang kurang efektif boleh ditangani dengan langkah pertama yang penting iaitu meningkatkan kesedaran kaum bapa bahawa banyak lagi yang mereka tidak tahu.

"Jika mereka hanya membaca kisah bapa yang berjaya, akan wujud jurang di mana mereka mungkin tidak dapat merasakan perkara yang sama.

"Tetapi melalui perkongsian, mereka boleh mendapatkan tip antara satu sama lain tentang cara terbaik yang diamalkan mereka," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif CFF, Encik Bryan Tan berkata bahawa matlamat CFF, pergerakan Bapa Sepanjang Hayat, tertumpu kepada membantu kaum bapa menangani cabaran dan membina keluarga yang berdaya tahan.

"Kami cuba meningkatkan kesedaran tentang kesan ketidakhadiran bapa dalam keluarga, dari segi fizikal atau emosi. Kami juga berusaha melengkapkan bapa dengan kemahiran yang mereka perlukan dengan mengadakan kumpulan sokongan masyarakat," katanya.

Kumpulan tersebut menyediakan wadah bagi kaum bapa berkumpul bersama dan berkongsi cabaran yang dihadapi sebagai seorang bapa serta saranan bagi menyelesaikan masalah.

Timbalan Ketua, Pendampingan dan Jangkauan CFF, yang mengendalikan pergerakan Bapa Sepanjang Hayat, Encik Eruandee Prayitna, turut menekankan pentingnya meningkatkan kesedaran tentang isu tersebut.

"Beberapa kajian setempat dan luar negara telah menunjukkan pentingnya kehadiran bapa dalam kehidupan kanak-kanak. Justeru, penting bagi golongan bapa sedar akan peranan mereka," kata beliau.